



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DAN BENCANA BANJIR DI MALAYSIA 10 JANUARI 2022

1. SITUASI SEMASA COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 10 Januari 2022 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh: **2,808 kes** (2,717,422 kes kumulatif, 97.4%)
- Kes baharu : **2,641 kes** (2,788,860 kes kumulatif);
- Kes import : **338 kes** (273 warganegara; 65 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,303 kes** [2,229 warganegara (96.8%); 74 bukan warganegara (3.2%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **253 kes** (211 kes disahkan COVID-19; 42 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **106 kes** (74 kes disahkan COVID-19; 32 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **6,163 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **4 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,994 kluster**;
- Jumlah kluster aktif : **169 kluster**.

Daripada **2,641 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **57 kes (2.2 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **2,584 kes (97.8 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Jadual 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**JADUAL 1: NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 9 JANUARI 2022**

NEGERI	NILAI R_T
WP LABUAN	1.19
SABAH	1.07
WP KUALA LUMPUR	1.06
MELAKA	1.03
NEGERI SEMBILAN	1.02
KEDAH	1.00
PAHANG	0.99
SELANGOR	0.99
JOHOR	0.97
KELANTAN	0.96
WP PUTRAJAYA	0.96
PULAU PINANG	0.95
PERLIS	0.95
PERAK	0.94
TERENGGANU	0.87
SARAWAK	0.87
MALAYSIA	0.98

2. SITUASI SEMASA BENCANA BANJIR

Sehingga jam 3 petang 10 Januari 2022, KKM juga ingin memaklumkan:

- Jumlah Pusat Perpindahan Sementara (PPS) yang masih beroperasi - **43 PPS** [Johor (37), Pahang (3), dan Melaka (3)];
- Jumlah negeri dilanda banjir - **Tiga (3)** (Pahang, Melaka, dan Johor);
- Jumlah keseluruhan mangsa terjejas banjir - **3,205 orang**;
- Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di PPS - **15 kes** (tiada kes baharu hari ini);
- Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 dalam kalangan mangsa banjir - **470 kes** (Satu (1) kes baharu hari ini); dan
- Jumlah kluster COVID-19 di PPS - **1 kluster** (tiada pertambahan kluster baharu hari ini).

Pada 10 Januari 2022, sebanyak **23 kes** penyakit berjangkit yang dikesan dalam kalangan mangsa banjir. Bilangan kes yang dilaporkan adalah seperti dalam **Jadual 2**:

Penyakit Berjangkit	Bilangan Kes	
	Semasa	Kumulatif
Jangkitan Saluran Pernafasan Akut (ARI)	4	1,500
Penyakit Kulit	10	618
<i>Acute Gastroenteritis</i> (AGE)	9	294
<i>Hand Foot & Mouth Disease</i> (HFMD)	0	6
Konjunktivitis	0	16
Jumlah	23	2,434

Jadual 2: Pecahan kes penyakit berjangkit yang melibatkan mangsa banjir pada 10 Januari 2022

ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA (MINGGU EPIDEMIOLOGI 1/2022)

Bagi Minggu Epidemiologi 1/2022 (ME1) yang bermula dari 2 Januari 2022 sehingga 8 Januari 2022, jumlah kes baharu COVID-19 yang dilaporkan adalah **21,859 kes** dengan jumlah kes kematian sebanyak **142 kes** manakala purata kes aktif bagi ME1 adalah **38,581 kes**.

1. Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19


- **Penurunan kes baharu sebanyak 5.3 peratus** iaitu daripada 23,071 kes (ME 52/2021) kepada 21,859 kes (ME 1/2022);
- **Purata kes aktif** turut mencatatkan **penurunan sebanyak enam (6) peratus** dengan purata 38,581 kes pada ME 1/2022 berbanding 40,963 kes pada ME 52/2021. Penurunan ini telah diperhatikan semenjak enam (6) minggu yang lalu;
- **Kes kematian** konsisten menunjukkan **penurunan sebanyak 28.3 peratus** dengan 142 kematian berbanding 198 kematian pada ME 52/2021. Penurunan ini dicatatkan mulai ME 51/2021, iaitu dua (2) minggu yang lalu.
- Purata kes yang memerlukan rawatan di **ICU** menunjukkan **penurunan sebanyak 11.1 peratus** iaitu 226 kes (ME 52/2021) kepada 201 kes (ME 1/2022). Penurunan ini dilaporkan sejak sembilan (9) minggu lalu (ME 44/2021).

- Purata kes yang memerlukan **alat bantuan pernafasan** turut menunjukkan **penurunan 4.6 peratus** iaitu dari 87 kes (ME 52/2021) ke 83 kes (ME 1/2022). Purata ini kekal menunjukkan tren penurunan semenjak 21 minggu yang lalu (ME 32/2021).
- **Purata nilai Rt meningkat** sebanyak 3.16 peratus kepada 0.98 (95% CI 0.96 – 0.99) pada ME 1/2022 dari 0.95 (95% CI 0.94 – 0.96) pada ME 52/2021.

Indikator	ME52 (26/12/2021- 1/1/2022)	ME1 (2/1/2022- 8/1/2022)	Perbandingan ME 52/1 (%)
Kes Baharu	23,071	21,859	↓ - 5.3
Kes Kematian	198	142	↓ - 28.3
Penggunaan Katil ICU (Purata)	226	201	↓ - 11.1
Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (Purata)	87	83	↓ - 4.6


Jadual 1 Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME52/2021 dan ME1/2022

Rajah 1 di bawah jelas menunjukkan tren penggunaan ICU untuk kes COVID-19 semakin menurun berturut-turut mulai sembilan (9) minggu yang lalu iaitu ME 44/2021.



Rajah 1 Purata Mingguan Kes COVID-19 di ICU setakat ME 1/2022

Selain itu, tren penurunan penggunaan ventilator untuk kes COVID-19 juga dapat dilihat dengan ketara mulai 21 minggu lepas iaitu ME 32/2021 berdasarkan **Rajah 2**.



Rajah 2 Purata Mingguan Kes COVID-19 yang Memerlukan Alat Bantuan Pernafasan

Penurunan kedua-dua indikator ini selari dengan peningkatan liputan vaksinasi seluruh negara yang kini telah mencatat 78.5 peratus populasi keseluruhan lengkap divaksinasi (sehingga 9 Januari 2022, 11.59 malam).

2. Kluster

Dari **kumulatif 6,158 kluster** yang dilaporkan setakat 8 Januari 2022, terdapat **176 kluster masih aktif** [penurunan sebanyak 18.1 peratus (39 kluster) berbanding minggu lalu]. Selain itu, sebanyak 64 kluster telah diisytiharkan tamat pada ME 1/2022, sekaligus menjadikan **peningkatan kluster tamat sebanyak 60.0 peratus** berbanding ME 52/2021. Terdapat **25 kluster baharu** telah dilaporkan pada ME 1/2022 yang terdiri daripada **(Jadual 2)**;

- **11** (44.0 peratus) kluster tempat kerja;
- **Enam (6)** (24.0 peratus) kluster import;
- **Tiga (3)** (12.0 peratus) kluster pusat pendidikan;
- **Tiga (3)** (12.0 peratus) kluster kumpulan berisiko tinggi; dan
- **Dua (2)** (8.0 peratus) kluster komuniti;

Kluster	ME52 (26/12/2021- 1/1/2022)	ME1 (2/1/2022- 8/1/2022)	Perbandingan ME 52/1 (%)
Kluster Aktif	215	176	↓ - 18.1
Kluster Tamat	40	64	↑ 60.0
Kluster Baharu	32	25	↓ - 21.9
Kategori Kluster Baharu			
1. Tempat Kerja	18	11	↓ - 38.9
2. Institusi Pendidikan	2	3	↑ 50.0
3. Komuniti	5	2	↓ - 60.0
4. Kumpulan Berisiko Tinggi	1	3	↑ 200.0
5. Aktiviti Keagamaan	1	0	↓ -100.0
6. Pusat Tahanan	1	0	↓ -100.0
7. Import	4	6	↑ 50.0

Jadual 2 Kluster Baharu bagi ME1

Memandangkan sesi persekolahan sudah dibuka semula, **peningkatan kluster pendidikan** yang terjadi pada minggu lepas perlu diambil serius oleh semua pihak yang terlibat dengan aktiviti pembukaan semula persekolahan. Pematuhan SOP serta keselamatan dan kesihatan warga sekolah perlu diberi perhatian yang lebih agar kewujudan kluster baharu pendidikan dapat dicegah. Ini kerana ia boleh mengakibatkan jangkitan yang lebih meluas dalam kalangan pelajar, guru, pekerja di

institusi pengajian, dan juga kepada keluarga mereka, seterusnya merebak pula ke komuniti.

Selain itu, **peningkatan kluster kumpulan berisiko tinggi** juga agak membimbangkan kerana jangkitan COVID-19 kepada golongan tersebut akan mendedahkan mereka kepada risiko gejala yang lebih teruk sekiranya tidak divaksinasi atau status vaksinasi sudah melebihi tiga (3) bulan. Oleh itu, segeralah mendaftar dan dapatkan vaksin COVID-19 atau dos penggalak sekiranya layak untuk mengurangkan risiko jangkitan yang serius sekaligus membina imuniti kelompok. Teruskan mematuhi SOP dan **perkukuhkan tindakan kesihatan sendiri** dengan mengamalkan **TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform and Seek*)** bagi mendidik diri kita menjadi individu yang bertanggungjawab dan melindungi orang-orang di sekeliling kita daripada risiko jangkitan.

Memandangkan **kluster import sudah mula meningkat** sejak dua minggu yang lalu, KKM ingin mengingatkan agar individu yang diarahkan menjalani kuarantin wajib di tempat kediaman atau rumah untuk terus mematuhi arahan tersebut, kekal dalam bilik berasingan, dan tidak bertemu dengan ahli rumah atau individu yang lain. Kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan penularan jangkitan COVID-19 termasuk varian Omicron kepada ahli keluarga dan dalam komuniti.

3. Kapasiti Hospital

Penggunaan katil biasa di hospital pada ME 1/2022 kekal statik dengan 28 peratus pengisian manakala katil di PKRC mencatatkan peningkatan penggunaan sebanyak lima (5) peratus berbanding ME 52/2021. Selain itu, penggunaan katil *Intensive Care Unit* (ICU) dan penggunaan ventilator telah menurun sebanyak satu (1) peratus berbanding ME 52/2021 seperti yang diperincikan dalam **Jadual 3**.

Fasiliti Kesihatan	Kapasiti (Purata)	Jumlah Penggunaan (Purata)	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan ME 52/1 (%)
Katil Bukan ICU (Hospital)	12,256	3,441	28%	↔ 28 %
Katil PKRC	14,421	3,451	24%	↑ 5 %
Katil ICU	991	260	26%	↓ 1 %
Alat Bantuan Pernafasan	2,869	1,042	36%	↓ 1 %

Jadual 3 : Jumlah Penggunaan Fasiliti Kesihatan bagi ME 52/2021 dan ME 1/2022

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN PANDEMIK COVID-19 DAN BENCANA BANJIR

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya:

1. **Memaklumkan status risiko COVID-19** kepada anggota penyelamat sekiranya disahkan positif COVID-19 atau dikenal pasti sebagai kontak rapat agar tindakan sewajarnya dapat diambil semasa proses pemindahan dan penyelamatan;
2. **Sentiasa patuh kepada SOP** dan amalan norma baharu semasa proses pemindahan dan sepanjang tempoh berada di PPS;
 - i. **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit,** dan **sembang** dengan jarak yang dekat);
 - ii. **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**);
dan
 - iii. Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.
3. **Elakkan dari berkumpul beramai-ramai** dalam kalangan mangsa banjir semasa berada di PPS;
4. **Memakai pelindung diri** semasa operasi memindahkan mangsa banjir dan sewaktu melakukan proses-proses pembersihan pasca banjir;
5. **Pastikan kebersihan diri terjaga** dengan segera membersihkan badan yang terkena air banjir dengan air

bersih dan amalkan mencuci tangan menggunakan cecair pembasmi kuman atau sabun terutamanya apabila pergi ke tempat menjadi gunasama seperti tandas;

6. **Elakkan diri daripada bermain atau meredah air banjir;**
7. **Sentiasa menjaga kebersihan kawasan PPS** untuk mengelakkan daripada penyakit bawaan vektor;
8. **Elakkan daripada minum air dan makan makanan yang sudah tercemar;**
9. **Sekiranya bergejala, segera dapatkan rawatan** di klinik atau hospital yang berhampiran terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak, wanita hamil, dan juga individu yang mempunyai komorbiditi; dan
10. **Petugas perubatan di semua fasiliti kesihatan perlu lebih berwaspada akan gejala-gejala penyakit** yang sering dikaitkan dengan kejadian banjir seperti yang disebutkan di atas, seterusnya melakukan pemeriksaan yang sepatutnya agar rawatan segera dapat diberikan.

KKM akan sentiasa memantau dan menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan sebaik-baiknya agar penyakit berjangkit akibat bencana banjir terutamanya COVID-19 dapat dibendung. Untuk maklumat lebih lanjut dan kemaskini mengenai info bencana banjir, sila layari laman sesawang <https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/portal/index>

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

10 Januari 2022 @ 6:45 petang